



# Perkara I

## PENTADBIRAN DAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA



## PERJAWATAN

Sehingga 31 Disember 2014, bilangan keseluruhan jawatan yang telah diluluskan kepada UniMAP adalah sebanyak 1542. Berbanding satu (1) jawatan yang diluluskan pada tahun 2013, pada tahun 2014, sebanyak 267 jawatan kosong telah diluluskan kepada UniMAP oleh Perbendaharaan dengan perakuan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Pengisian perjawatan bagi tahun 2014 adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.

Bilangan keseluruhan staf bukan warganegara adalah seramai 76 orang bagi tahun 2014 berbanding 73 orang pada tahun 2013. Taburan staf bukan warganegara tersebut mengikut negara masing-masing adalah 15 dari Indonesia, 7 dari India, 12 dari Iraq, 5 dari Myanmar, 10 dari Bangladesh, 3 dari Filipina, 2 dari Pakistan, 3 dari Thailand, 2 dari Republik Rakyat China, 2 dari Nigeria, 2 dari USA, 2 dari Australia dan masing-masing satu (1) dari Permanent Residence, Korea, Republik Kyrgyz, Jerman, Jepun, Sudan, Vietnam, Jordan, Palestin, Uzbekistan serta Kanada.


Secara umumnya, pecahan staf akademik, pecahan staf mengikut kumpulan perkhidmatan dan pecahan staf bukan warganegara digambarkan melalui Rajah 1, Rajah 2 dan Rajah 3.

Kumpulan Perkhidmatan	Bilangan
Kumpulan Pengurusan Tertinggi	4
Kumpulan Pengurusan Dan Profesional Akademik	
- Profesor	17
- Profesor Madya	33
- Pensyarah Kanan	209
- Pensyarah Universiti	354
- Pegawai Latihan Vokasional	116
- Guru Bahasa	18
Bukan Akademik	145
Kumpulan Pelaksana	470
<b>Jumlah</b>	<b>1366</b>


Jadual 1 : Pengisian Perjawatan Universiti Malaysia Perlis Tahun 2014




# PENTADBIRAN DAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA



Rajah 1 : Pecahan Staf Akademik



Rajah 2 : Pecahan Staf Mengikut Kumpulan Perkhidmatan



Rajah 3 : Pecahan Staf Bukan Warganegara

Tahun 2014 turut menyaksikan 59 orang staf pelbagai jawatan dinaikkan pangkat mengikut gred jawatan masing-masing.

## Senarai Staf Yang Dinaikkan Pangkat Pada Tahun 2014

Bil.	Nama	Jawatan Kenaikan Pangkat	Gred	PTj	Efektif
1	Prof. Dr. Syed Alwee Aljunid Bin Syed Junid	Profesor	VK6	PPK Komputer Dan Perhubungan	01/07/2014
2	Dr. Mohd Sazli Bin Saad	Pensyarah Kanan	DS52	PPK Pembuatan	13/01/2014
3	Dr. Muhammad Juhairi Aziz Bin Safar	Pensyarah Kanan	DS52	PPK Mekatronik	25/03/2014
4	Dr. Syahrul Ashikin Binti Azmi	Pensyarah Kanan	DS52	PPK Sistem Elektrik	27/03/2014
5	Dr. Rosemizi Bin Abd Rahim	Pensyarah Kanan	DS52	PPK Komputer Dan Perhubungan	10/04/2014
6	Dr. Junita Binti Mohd Nordin	Pensyarah Kanan	DS52	PPK Komputer Dan Perhubungan	10/04/2014
7	Dr. Ahmad Humaizi Bin Hilmi	Pensyarah Kanan	DS52	PPK Pembuatan	23/07/2014
8	Dr. Mohd Fitri Bin Mohamad Wahid	Pensyarah Kanan	DS52	PPK Bahan	05/09/2014
9	Dr. Akmal Hadi Bin Ma' Radzi	Pensyarah Kanan	DS52	PPK Bioproses	30/09/2014
10	Lim Eng Aik	Pensyarah Kanan	DS52	Institut Matematik Kejuruteraan	01/10/2014

Bil.	Nama	Jawatan Kenaikan Pangkat	Gred	PTj	Efektif
11	Maz Jamilah Binti Masnan	Pensyarah Kanan	DS52	Institut Matematik Kejuruteraan	01/10/2014
12	Mohammad Nuzaihan Bin Md Nor	Pensyarah Kanan	DS52	INEE	01/10/2014
13	Mohd Zaheruddin Bin Kasmuin	Pensyarah Kanan	DS52	PPK Bahan	01/10/2014
14	Shafiq Hizwari Bin Md. Hashim	Pensyarah Kanan	DS52	Pusat Bahasa Antarabangsa	01/10/2014
15	Sharmini Binti Abdullah	Pensyarah Kanan	DS52	Pusat Bahasa Antarabangsa	01/10/2014
16	Zulkarnay Bin Zakaria	Pensyarah Kanan	DS52	PPK Mekatronik	01/10/2014
17	Azmi Bin Harun	Pensyarah Kanan	DS52	PPK Pembuatan	01/10/2014
18	Jimirafizi Bin Jamil	Pegawai Latihan Vokasional	J44	PPK Sistem Elektrik	01/05/2014
19	Noor Azira Binti Mohd Noor	Pegawai Latihan Vokasional	J44	PPK Bahan	01/05/2014
20	Mohd Anuar Bin Mat	Pegawai Latihan Vokasional	J44	PPK Mekatronik	01/06/2014
21	Hazila Binti Othman	Pegawai Latihan Vokasional	J44	Fakulti Teknologi Kejuruteraan	01/06/2014
22	Mohamad Hatta Bin Musa	Pegawai Latihan Vokasional	J44	PPK Pembuatan	01/06/2014
23	Mohamad Rizal Bin Abdul Rejab	Pegawai Latihan Vokasional	J44	Fakulti Teknologi Kejuruteraan	01/06/2014
24	Mazmin Binti Mat Akhir	Pustakawan	S54	Jabatan Perpustakaan	01/10/2014
25	Ruzalina Binti Ibnu Ruslan	Pegawai Tadbir	N52	Jabatan Pendaftar	01/06/2014
26	Osman Bin Ahmad	Pegawai Tadbir	N52	JHEPA	01/01/2015
27	Sharmila Binti Saidin	Pegawai Tadbir	N48	Jabatan Pendaftar	01/06/2014
28	Azmi Bin Ahamad	Pegawai Tadbir	N48	Jabatan Pendaftar	01/06/2014
29	Norsyahiza Binti Hamzah	Pegawai Tadbir	N48	Jabatan Canselori	01/06/2014
30	Mustaffa Bin Ismail	Pegawai Tadbir	N48	Jabatan Canselori	01/06/2014
31	Jasni Bin Hashim	Jurutera	J48	Jabatan Pembangunan	01/06/2014
32	Rusdi Bin Puteh	Pegawai Kewangan	W48	Jabatan Bendahari	01/06/2014
33	Mohd Zul Fauzi Bin Mohamed Sawal	Pegawai Kebudayaan	B44	Unit Kebudayaan Dan Rekreasi	01/06/2014
34	Norazam Bin Abdul Rashid	Pegawai Sains	C44	UKKP	01/06/2014
35	Hanizan Bin Mat Hussein	Arkitek	J44	Jabatan Pembangunan	01/06/2014
36	Shahril Mukhriz Bin Sulaiman	Jurutera	J44	Jabatan Pembangunan	01/06/2014
37	Saifol Nizal Bin Sharif	Jurutera	J44	Jabatan Pembangunan	01/06/2014
38	Mohamad Nasri Bin Mat Isa @ Mat Saat	Pegawai Teknologi Maklumat	F44	PTM&K	01/06/2014
39	Nor Azima Binti Abu Seman	Pegawai Teknologi Maklumat	F44	PTM&K	01/06/2014
40	Farihan Bin Ghazali	Pegawai Teknologi Maklumat	F44	PTM&K	01/06/2014
41	Sharifah Husna Binti Syed Idrus	Pegawai Tadbir	N44	Anjung UniMAP Kulim	01/06/2014
42	Norzaililah Binti Zainoddin	Pegawai Tadbir	N44	PPK Komputer Dan Perhubungan	01/06/2014
43	Aznira Binti Abdul Azib	Pegawai Tadbir	N44	Jabatan Pendaftar	01/06/2014
44	Hasrul Nizam Bin Halim	Pegawai Tadbir	N44	Pej. Timbalan Naib Canselor (P&I)	01/06/2014
45	Nurazrina Binti Abd. Rahman	Pegawai Tadbir	N44	Jabatan Pendaftar	01/06/2014
46	Mashitoh Binti Abu	Pegawai Tadbir	N44	JHEPA	01/06/2014
47	Raja Shah Erman Bin Raja Arifin	Pegawai Tadbir	N44	PPK Pembuatan	01/06/2014

# PENTADBIRAN DAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

Bil.	Nama	Jawatan Kenaikan Pangkat	Gred	PTj	Efektif
48	Norakmal Binti Abd Karim	Pustakawan	S44	Jabatan Perpustakaan	01/06/2014
49	Mohd Azamin Bin Ahmad Adli	Penolong Pegawai Tadbir	N32	Jabatan Pembangunan	01/06/2014
50	Anas Efiendi Bin Abd Rahman	Penolong Pegawai Belia & Sukan	S32	Pusat Sukan	01/06/2014
51	Kartini Binti Abdullah	Penolong Akauntan	W32	Jabatan Bendahari	01/06/2014
52	Norhawa Binti Mohamed Yunos	Penolong Juruaudit	W32	Unit Audit Dalam	01/10/2014
53	Noor Rastina Binti Johari	Pembantu Tadbir (P/O)	N22	Jabatan Pembangunan	01/06/2014
54	Ibrahim Bin Din	Pembantu Tadbir (P/O)	N22	JHEPA	01/06/2014
55	Ku Ishar Bin Haji Ku Ariffin	Pembantu Tadbir (P/O)	N22	Jabatan Perpustakaan	01/06/2014
56	Norzila Binti Ismail	Pembantu Perpustakaan	S22	Jabatan Perpustakaan	01/06/2014
57	Royifazulmaldy Bin Zakaria	Pembantu Perpustakaan	S22	Jabatan Perpustakaan	01/06/2014
58	Ahmad Farid Bin Md Isa	Pembantu Perpustakaan	S22	Jabatan Perpustakaan	01/06/2014
59	Noorazila Binti Mohd Bahari	Pembantu Akauntan	W22	Jabatan Bendahari	01/06/2014

Senarai Pegawai yang Bersara Wajib pada Tahun 2014

Bil.	Nama	PTj	Efektif
1	Ku Mansor Ku Din	Pengawal Keselamatan	14/04/2014
2	Prof. Madya Abdul Halim Abdull	Profesor Madya (DS53)	13/08/2014
3	Abd Aziz Mohd Najimudin	Timbalan Pendaftar (DS52)	18/08/2014



## PERKHIDMATAN

### A. Program Transformasi Minda (PTM)

PTM merupakan program yang diperkenalkan kepada semua penjawat awam bagi menggantikan Kursus Induksi mulai 1 Januari 2013. PTM merupakan salah satu daripada syarat pengesahan dalam perkhidmatan seseorang pegawai.

Semua pegawai lantikan pertama pada atau selepas 1 Januari 2013 yang berkhidmat secara tetap dalam Perkhidmatan Awam perlu mengikuti PTM. Pegawai dalam tempoh percubaan dan belum menghadiri Kursus Induksi juga perlu mengikuti PTM.

PTM bertujuan memberi pendedahan mengenai konsep kenegaraan, prinsip dan falsafah pembentukan negara serta sistem pentadbiran kerajaan. Di samping itu, ia juga adalah untuk memupuk keperibadian, jati diri dan nilai patriotisme pegawai serta menerapkan nilai budaya kerja cemerlang agar dapat memberikan penyampaian perkhidmatan dengan cekap serta berkesan.

Kerangka Kurikulum PTM terbahagi kepada tiga (3) segmen utama iaitu, Segmen I : Negara dan Perkhidmatan Awam; Segmen II : Tanggungjawab dan Peranan Pegawai dan Segmen III : Budaya Kerja Kelas Pertama. PTM dilaksanakan selama lima (5) hari.

Pada tahun 2014 PTM telah diadakan seperti maklumat yang berikut:

Bil	Perkara	Tarikh/Tempat
1	Program Transformasi Minda	5 - 9 Mei 2014 Bilik Seminar 1, Kompleks Pentadbiran UniMAP, Taman Kechor Indah, Kangar

Bil	Jawatan	Gred	Bil. Calon
1	Pensyarah Kanan	DS51	9
2	Pensyarah	DS45	1
3	Pegawai Kebudayaan	B41	1
	<b>Jumlah</b>		<b>11</b>



### B. Peperiksaan Bayaran Insentif Tugas Kewangan (BITK)

Peperiksaan BITK dijalankan untuk membolehkan Pembantu Tadbir (P/O) dan skim perkhidmatan lain yang setaraf dan skim perkhidmatan lain yang lebih rendah yang sedang menerima BITK RM40.00 sebulan, Pembantu Akauntan dan Pembantu Tadbir (Kewangan) memiliki sijil bagi melayakkan mereka dibayar BITK sebanyak RM80.00 sebulan.

Peperiksaan BITK dijalankan di UniMAP pada 15 Disember 2014, iaitu selaras dengan ketetapan yang telah dibuat oleh UTeM selaku Urusetia Peperiksaan BITK IPTA Malaysia bagi tahun 2014.

Bil	Peperiksaan Perkhidmatan	Tahun		
		2012	2013	2014
1	Bayaran Insentif Tugas Kewangan	23	17	17



## SKIM PENGAJIAN LANJUTAN

Tahun 2014 mencatat jumlah keseluruhan seramai 114 orang staf akademik telah diluluskan untuk mengikuti skim pengajian lanjutan. Dari sudut perbandingan, bilangan ini menunjukkan peningkatan berbanding tiga tahun sebelumnya. Bagi tahun 2011, jumlah keseluruhan pengambilan felo SLTPA dan staf yang telah diluluskan adalah seramai 95 orang, manakala bagi tahun 2012 telah berlaku peningkatan kepada jumlah keseluruhan ialah seramai 106 orang. Pada tahun 2013 pula, jumlah keseluruhan pengambilan felo SLTPA dan staf adalah seramai 107 orang.


### A. Skim Latihan Tenaga Pengajar Akademik (SLTPA)

UniMAP telah melantik seramai 64 orang felo untuk menyambung pengajian di peringkat Sarjana dan Ijazah Kedoktoran di bawah Skim Latihan Tenaga Pengajar Akademik. Mereka dihantar ke beberapa buah universiti di dalam dan luar negara untuk mengikuti bidang pengajian yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Cuti Belajar berdasarkan perancangan akademik yang telah ditetapkan. Felo-felo tersebut ditaja oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) di bawah Skim Latihan Akademik Bumiputera (SLAB) dan Skim Latihan Akademik IPTA (SLAI).

Data felo yang terlibat bagi tahun 2014 adalah seperti Jadual 1;

Bil.	Pusat Pengajian	Sarjana		Ph.D		Jumlah
		Dalam Negara	Dalam Negara	Luar Negara	Luar Negara	
1	PPK Komputer & Perhubungan	2	3	-	-	5
2	PPK Bahan	-	2	-	-	2
3	PPK Mikroelektronik	-	-	-	-	-
4	PPK Pembuatan	2	-	2	-	4
5	PPK Sistem Elektrik	4	1	-	-	5
6	PPK Mekatronik	-	2	1	-	3
7	PPK Bioproses	2	3	-	-	5
8	PPK Alam Sekitar	1	2	-	-	3
9	iKOM	2	2	-	-	4
10	PPIPT	2	-	-	-	2
11	INEE	-	2	-	-	2
12	IMK	-	-	-	-	-
13	Fakulti Teknologi Kejuruteraan	12	16	1	-	29
14	Pusat Bahasa Antarabangsa	-	-	-	-	-
Jumlah		27	33	4	-	64
Jumlah Keseluruhan		27	37	-	-	64

Jadual 1: Jumlah Pengambilan Felo SLTPA Tahun 2014 Mengikut Pusat Pengajian



Rajah 1: Jumlah Pengambilan Felo SLTPA Tahun 2014 Mengikut Pusat Pengajian


### B. Skim Pengajian Latihan Kakitangan Akademik (SPLKA)

Seramai 50 orang staf yang terdiri daripada Pegawai Latihan Vokasional dan Pensyarah telah diluluskan untuk cuti belajar di peringkat Ijazah Kedoktoran di bawah Skim Pengajian Latihan Kakitangan Akademik ke beberapa buah universiti di dalam dan luar negara mengikut bidang pengajian yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Cuti Belajar.

Data staf yang terlibat bagi tahun 2014 adalah seperti Jadual 2:

Bil.	Pusat Pengajian	Sarjana		Ph.D		Jumlah
		Dalam Negara	Dalam Negara	Luar Negara	Luar Negara	
1	PPK Komputer & Perhubungan	-	7	1	-	8
2	PPK Bahan	-	4	2	-	6
3	PPK Mikroelektronik	1	-	1	-	2
4	PPK Pembuatan	-	2	4	-	6
5	PPK Sistem Elektrik	-	3	3	-	6
6	PPK Mekatronik	-	2	4	-	6
7	PPK Bioproses	-	2	1	-	3
8	PPK Alam Sekitar	-	3	1	-	4
9	iKOM	-	1	-	-	1
10	PPIPT	-	3	-	-	3
11	INEE	-	-	-	-	-
12	IMK	-	3	-	-	3
13	Fakulti Teknologi Kejuruteraan	-	2	-	-	2
14	Pusat Bahasa Antarabangsa	-	-	-	-	-
Jumlah		1	32	17	-	50
Jumlah Keseluruhan		1	49	-	-	50

Jadual 2: Jumlah Staf Cuti Belajar Di Bawah SPLKA Tahun 2014 Mengikut Pusat Pengajian



Rajah 2: Jumlah Staf Cuti Belajar Di Bawah SPLKA Tahun 2014 Mengikut Pusat Pengajian

### C. Lain – Lain Penaja dan Staf Cuti Belajar

Terdapat 1 orang Pegawai Latihan Vokasional (PLV) daripada Pusat Pengajian Kejuruteraan Mikroelektronik menyambung pengajian di peringkat Sarjana dan 1 orang pensyarah daripada Pusat Pengajian Pembangunan Insan dan Teknokomunikasi di peringkat Ijazah Kedoktoran yang telah diluluskan menyambung pengajian oleh Jawatankuasa Cuti Belajar dengan tajaan Biasiswa UniMAP.

## KURSUS DAN LATIHAN

Program latihan tahun 2014 kekal menumpukan kepada isu pembentukan dan peningkatan ilmu pengetahuan serta kemahiran dalam memastikan misi UniMAP mempunyai staf yang berdaya maju dapat direalisasikan. Selain itu, aspek pembangunan modal insan juga diberikan penekanan dalam program-program latihan tahun 2014. Pembangunan modal insan bukan sekadar kemahiran melaksanakan sesuatu tugas dan tanggungjawab tetapi juga membangunkan kesedaran dan keinsafan terhadap perlunya mencipta dan melaksanakan sesuatu yang bermanfaat kepada kehidupan manusia seluruhnya.

Justeru, program latihan tahun 2014 yang telah dilaksanakan oleh Unit Latihan pastinya berhasrat untuk membina aspek kemanusiaan yang seimbang bagi mewujudkan warga universiti yang berilmu, mahir dan cekap bagi tujuan memenuhi visi dan misi universiti. Walau bagaimanapun program latihan yang telah dilaksanakan masih mengambil kira 3 tujuan utama:

- i. Meningkatkan ilmu pengetahuan
- ii. Meningkatkan bidang kemahiran
- iii. Mencetus perubahan sikap

### Analisa Pelaksanaan Program Latihan

Sebanyak 101 kursus telah dijalankan sepanjang 2014 iaitu 22 kursus anjuran dalaman, 46 kursus dijalankan secara anjuran bersama PTj lain dan 32 kursus yang dianjurkan oleh institusi luar.

Jadual berikut menunjukkan bilangan kursus yang dianjurkan oleh Unit Latihan, anjuran kerjasama PTj lain dan anjuran luar.

Bil	Kategori	PTj	Bil. Kursus
1	Anjuran Dalaman	Unit Latihan	22
		PPK Sistem Elektrik	12
		Unit Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan	6
		Unit Kelayakan dan Akreditasi	10
		Jabatan Bendahari	4
		Pusat Kesihatan	3
		PUSPEK	2
2	Anjuran Bersama	Unit Pembangunan Lestari	2
		Pusat Islam	2
		Pusat Kaunseling	2
		Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni	1
		Institut Matematik Kejuruteraan	1
		Pusat Hal Ehwal Antarabangsa	1
		Jabatan Pendaftar	1
3	Anjuran Luar	Organisasi Luar	32
<b>Jumlah</b>			<b>101</b>

Jadual 1 : Bilangan Anjuran Kursus Sepanjang 2014






# PENTADBIRAN DAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

Bil	Kategori	Bilangan Staf Dinilai		Data Kursus	
		Keseluruhan	Dinilai	Melebihi 7 Hari	Kurang 7 Hari
1	JUSA	38	37	37	0
2	Skim Khas Universiti	38	0	0	0
3	Pengurusan & Profesional (Gred 41 - 54)	1144	1065	1018	47
4	Sokongan 1 (Gred 27 - 36)	248	248	247	1
5	Sokongan 2 (Gred 1 - 22)	662	656	645	11
Jumlah		2122	2006	1947	59

Jadual 2: Rekod kehadiran staf berkursus tahun 2014

Daripada rekod 2,122 orang staf, seramai 116 orang adalah dikecualikan dari penilaian berdasarkan faktor-faktor seperti di bawah:


- i Staf Cuti Belajar (60 orang)
- ii Staf Yang Mendaftar Di UniMAP bermula November & Disember 2014 (142 orang)
- iii Skim Khas Universiti (Karyawan Tamu/Tutor Kunjungan) (30 orang)



Carta 1: Peratusan Staf Berkursus 2014

Tahun	Peratus Staf Yang Hadir > 7 Hari Setahun	Peratus Staf Yang Hadir < 7 Hari Setahun	Peratus Staf Yang Tidak Berkursus
2014	97.05%	2.95%	0.00%
2013	97.02%	2.98%	0.00%
2012	96.08%	2.07%	1.85%
2011	86.29%	12.81%	0.89%
2010	87.01%	6.49%	6.49%

Jadual 3: Perbandingan peratusan rekod kehadiran staf berkursus tahun 2010-2014



Rajah 1: Komposisi Data Kursus



## SENARAI KURSUS DAN LATIHAN:

### ANJURAN DALAMAN :

#### Bil Nama Kursus

1. Kursus Etika & Tanggungjawab PAP& PRA
2. Kursus Pengurusan Makmal J17
3. Kursus Etika & Tanggungjawab Penjawat Awam Gred 17 (Siri 1)
4. Kursus Kepimpinan Berkesan P&P
5. Kursus Komunikasi Setiausaha Pejabat
6. Kursus Etika & Tanggungjawab Penjawat Awam Gred 17 (Siri 2)
7. Kursus Etika & Tanggungjawab Penjawat Awam Gred 17 (Siri 3)
8. Kursus Kepimpinan & Penyeliaan Berkesan
9. Kursus Komunikasi Interaktif
10. Kursus Pengurusan Fail & Rekod (Siri 1)
11. Seminar Integriti & Akauntabiliti (Kewangan)
12. Kursus Automasi Pejabat (Excel)
13. Kursus Oh!! My English (Siri 1)
14. Kursus Pengurusan Cuti
15. Kursus Pengendalian Kaunter Berkesan
16. Kursus Oh!! My English (Siri 2)
17. Kursus Pengurusan Mesyuarat
18. Kursus Membina Keseronokan Bekerja Dalam Jabatan
19. Kursus Mencari Keberkatan Dalam Pekerjaan
20. Seminar Integriti & Akauntabiliti (Pengurusan)
21. Kursus Pengendalian Laman Web (Wordpress)
22. Kursus High Performance Team (Gred 27-36)

### ANJURAN BERSAMA :

#### Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni

1. Bengkel Perisian Automasi Pejabat (Office Automation)

#### Jabatan Bendahari

1. KursusTatacara Perolehan dan Aset
2. Kursus Kefahaman Elaun-elaun, Tuntutan Dalam Perkhidmatan Awam & Bengkel TEP, Bayaran Gaji Dan OT Serta Panjar Wang Runcit di UniMAP
3. KursusTatacara Pengurusan Stor
4. Bengkel Menjawab Soalan BITK

#### PPK Sistem Elektrik

1. Siri Latihan Silibus Radio Amatur Untuk Juruteknik & Pegawai Latihan Vokasional PPK Sistem Elektrik (7 Siri)
2. Bengkel Asas Excel/Google Drive/Prezi
3. Kursus Asas Matlab
4. Kursus Asas Simulink
5. Kursus Asas Pendawaian Elektrik
6. Kursus Kemahiran Komunikasi & Teknik Pembentangan

#### Institut Matematik Kejuruteraan

1. Forum Banyak Tapi Sedikit – Indahny Keberkatan Rezeki

#### Pusat Hal Ehwal Antarabangsa

1. Bengkel Kesedaran & Persediaan Perlaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti Di PHEA

#### Pusat Islam

1. Kursus Pengurusan Jenazah (Siri 1)
2. Kursus Pengurusan Jenazah (Siri 2)

#### Pusat Kaunseling

1. Kursus Kaunseling Lanjutan
2. Seminar Pengukuhan Perkahwinan "Cinta Hambar"

#### Pusat Kesihatan

1. Kursus Basic Life Support (BLS) (PLV)
2. Kursus Basic Life Support (BLS) Pemandu Kenderaan
3. Program Kesedaran & Intervensi Non Communicable Disease (NCD)

#### Pusat Pembangunan Korporat dan Pengurusan Kualiti

1. Kursus Kesedaran MS ISO 9001 : 2008 : Siri Khas Persediaan Menghadapi Audit Pemantauan oleh SIRIM QAS
2. Bengkel Asas Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK)

#### Unit Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan

1. Kursus Pengenalan Kepada Perundangan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan Di Malaysia (Siri 1)
2. Kursus Pengenalan Kepada Perundangan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan Di Malaysia (Siri 2)
3. Kursus Pelan Tindakan Kecemasan
4. Kursus HIRARC Terhadap Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan
5. Kursus Pelaporan & Penyiasatan Kemalangan Di Tempat Kerja
6. Kursus Pengendalian Selamat Bahan Kimia Berbahaya

#### Unit Kelayakan dan Akreditasi

1. Kursus BEM Mandatory Course Engineering Management
2. Talk On "Introduction To Outcome Based Education (OBE)
3. BEM Mandatory Course – Code Of Ethics/Regulations
4. Bengkel "Complex Engineering Problem Solving And Activities"
5. BEM : Safety & Health At Work
6. BEM Engineering Management
7. Talk On Route To Become Professional Engineers (PE)
8. BEM : Code Of Ethics & Regulations

# PENTADBIRAN DAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

9. Talk On Route To Become Chartered Engineers
10. BEM : Safety & Health At Works

## Unit Pentadbiran, Jabatan Pendaftar

1. Program Latihan Keselamatan Perlindungan

## Unit Pembangunan Lestari

1. Bengkel Kaedah Penyelidikan (Kejuruteraan) Siri 1
2. Kursus "Postgraduate Supervision"

## **ANJURAN LUAR :**

1. Konvensyen 'Maintenance Week 2014 – Amalan Terbaik
2. Kursus Analisis Keperluan Latihan
3. Kursus Kejurulatihan 'Penjaga Gol Tahap 1' KLFA/FAM/AFC 2014
4. Seminar On Implementation Of Road Safety Management System In Malaysia
5. Kursus Pengurusan Wad & Klinik Berasaskan Amalan QE/5S (Siri 1)
6. Kursus Lung Function Testing and Analysis

7. Kursus 'Occupational Health Doctor' (OHD)
8. Kursus Asas Kecederaan dan Kinesiology Tape 2014
9. Kursus Perlis Radiation Protection Course In Medical Imaging 2014
10. 5th International Conference On Science And Technology (ICSTIE 2014)
11. Bengkel SOP Pencegahan Penyalahgunaan Dadah, Substans dan Alkohol
12. Seminar Perlindungan Keselamatan Sosial Peringkat Nasional 2014
13. Kursus Sains Sukan
14. UMMC Spinal Cord Injury (SCI) Rehabilitation Workshop 2014
15. Kursus Pegawai Keselamatan dan Kesihatan Pekerja
16. Seminar Pengurusan Asrama Peringkat Kebangsaan 2014
17. Kursus Asas Operasi dan Penyelenggaraan Loji Rawatan Kumbahan (IPTO)
18. Peperiksaan Pegawai Keselamatan dan Kesihatan
19. Program Advokasi dan Kesedaran GST kepada pengguna/NGO Negeri Perlis

20. Kursus Stifin Personaliti Mengenal Kecerdasan Dalam Menuju Kejayaan
21. Kursus Pengurusan Kecederaan Sukan & Sport Massage
22. Kursus 13th Penang Dental Congress
23. Seminar GST
24. Kursus 'Malaysian Trauma Life Support'
25. Lawatan ke IPTA untuk Penambahbaikan Pengurusan Pentadbiran dan Bidang Tugas Penolong Pendaftar Pusat Pengajian
26. Konvensyen Pentadbir Muda Institusi Pengajian Tinggi Awam Peringkat Kebangsaan
27. Kursus Perlindungan Sinaran
28. Seminar 4th World Congress On Information and Technologies (WICT'14)
29. Kursus Best Practices In Inspecting & Identifying Building Defects and Maintenance
30. Majlis Penerangan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat/Saksi dan Forum Rasuah Kerjaya Menuju Neraka
31. Persidangan Kebangsaan Anggota dan Berkanun Cabaran dan Masa Depan Agensi Badan Berkanun

## **PENGIKTIRAFAN**

### **ANUGERAH SERI GEMILANG**

Anugerah Seri Gemilang merupakan salah satu aktiviti tahunan Universiti dalam memberi pengiktirafan kepada warganya yang telah memberikan jasa bakti dan menunjukkan prestasi kerja cemerlang sepanjang tahun dinilai. Anugerah Seri Gemilang dapat menjadi pembakar semangat dan suntikan motivasi untuk mempertingkatkan lagi usaha, prestasi kerja dan kualiti perkhidmatan awam.

Pada tahun 2014, majlis penganugerahan tersebut telah berlangsung pada 19 Mac 2014 di Dewan 2020, Kangar. Seramai 98 orang warga UniMAP telah dipilih sebagai penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2013.

Perbandingan penerimaan mengikut skim perkhidmatan bagi dua tahun berturut-turut adalah seperti Carta 1,



Bil	Skim Perkhidmatan	Bilangan Penerima	
		Tahun 2013	Tahun 2012
1	Ahli Muzik/Pereka	-	1
2	Artis Budaya	1	-
3	Ahli Fotografi	1	-
4	Guru Bahasa	1	2
5	Juruaudit	-	1
6	Juruteknik	11	8
7	Juruteknik Komputer	-	1
8	Jurutera	1	-
9	Juruukur Bahan	-	1
10	Pegawai Kebudayaan	-	1
11	Pegawai Kewangan	1	1
12	Pegawai Khidmat Pelanggan	1	-
13	Pegawai Latihan Vokasional	9	11
14	Pegawai Sains/Pengurus Asrama	1	-
15	Pegawai Tadbir	8	3
16	Pegawai Teknologi Maklumat	-	1
17	Pekerja Awam	2	1
18	Pemandu Kenderaan	2	1
19	Pembantu Akauntan	1	2
20	Pembantu Am Pejabat	1	3
21	Pembantu Belia dan Sukan	1	1
22	Pembantu Perpustakaan	3	3
23	Pembantu Tadbir (P/O)	13	12
24	Pengawal Keselamatan	2	3
25	Penolong Akauntan	2	-
26	Penolong Jurutera/Pelukis Pelan	1	2
27	Penolong Pegawai Belia dan Sukan	-	1
28	Penolong Pegawai Tadbir	-	4
29	Penolong Pegawai Teknologi Maklumat	1	-
30	Penolong Pegurus Asrama	1	-
31	Pensyarah Universiti	28	31
32	Pustakawan	2	1
33	Setiausaha Pejabat	2	-
34	Tukang K1/K2	1	1
<b>Jumlah</b>		<b>98</b>	<b>97</b>

Selain itu, majlis tersebut turut menganugerahkan Anugerah Khas Perkhidmatan Cemerlang pada staf-staf yang terpilih bagi kategori seperti berikut:

Bil	Skim Perkhidmatan	Bilangan Penerima	
		Tahun 2013	Tahun 2012
1	Anugerah Pendidik Cemerlang	3	3
2	Anugerah Pentadbir Cemerlang	2	7
3	Anugerah Staf Sokongan Cemerlang	9	15
4	Anugerah Versatil	19	7
<b>Jumlah</b>		<b>33</b>	<b>21</b>

## PINGAT/DARJAH KEBESARAN

Tahun 2014 menyaksikan mantan Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof. Dr. Ali Yeon Md. Shakaff dikurniakan darjah kebesaran Johan Mangku Negara (J.M.N.) oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XIV, Almu'tasimu Billahi Muhibbuddin Tuanku Alhaj Abdul Halim Mu'adzam Shah ibni Almarhum Sultan Badlishah bersempena Ulangtahun Hari Keputeraan Rasmi Baginda.

Beberapa kakitangan lain turut menerima pingat/darjah kebesaran dan senarai penuh adalah seperti berikut :

**Nama:** Prof. Dr. Ali Yeon Md. Shakaff  
**Jawatan:** Profesor Gred Khas A (VK5)  
**Anugerah:** Johan Mangku Negara (J.M.N)  
**Peringkat:** Persekutuan

**Nama:** Saodah Hassan  
**Jawatan:** Pegawai Kewangan (W54)  
**Anugerah:** Darjah Seri Sirajuddin Perlis (S.S.P)  
**Peringkat:** Negeri Perlis

**Nama:** Mazmin Mat Akhir  
**Jawatan:** Pustakawan (S54)  
**Anugerah:** Pingat Mahkota Perlis (P.M.P)  
**Peringkat:** Negeri Perlis

**Nama:** Bimazlim Bidin  
**Jawatan:** Pereka (B41)  
**Anugerah:** Pingat Mahkota Perlis (P.M.P)  
**Peringkat:** Negeri Perlis

## LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI

Fungsi dan kuasa Lembaga Pengarah Universiti adalah menjadi badan yang mengelola, membuat dasar dan mengawasi Universiti, dan boleh menjalankan segala kuasa yang diberikan kepada Universiti kecuali setakat yang kuasa itu diberikan oleh Perlembagaan atau statut, kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan kepada Pihak Berkuasa, badan atau kepada pegawai lain Universiti.

Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti telah diadakan sebanyak empat (4) kali sepanjang tahun 2014 yang lalu iaitu pada 10/03/2014, 16/06/2014, 26/09/2014 dan 20/11/2014.

Tahun 2014 turut mencatatkan perkembangan di dalam senarai Ahli Lembaga Pengarah UniMAP apabila YAB Menteri Pendidikan Malaysia telah bersetuju untuk melantik semula tiga (3) orang Ahli Lembaga Pengarah iaitu YBrs. Tuan Abdul Rasid bin Sudin [Calon Yang Mempunyai Pengetahuan dan Pengalaman] dilantik bagi tempoh dua (2) tahun bermula 1 Mei 2014 hingga 30 April 2017, YBhg. Prof. Dr. Ali Yeon Md Shakaff [Wakil Senat] dilantik bagi tempoh dua (2) tahun bermula 15 Julai 2014 hingga 14 Julai 2016 dan YBhg. Dato' Dr. Mohd Sofi bin Osman [Wakil Sektor Swasta] dilantik bagi tempoh dua (2) tahun bermula 1 Ogos 2014 hingga 31 Julai 2016.

Terdapat satu pelantikan ahli Lembaga Pengarah baru iaitu YBhg. Dato' Annuar Mohd Saffar [Wakil Sektor Swasta] yang dilantik bagi tempoh tiga (3) tahun bermula 1 Disember 2014 bagi menggantikan YBhg. Dato' Ir. Dr. Gue See Sew yang tamat tempoh pelantikan sebagai Ahli Lembaga Pengarah pada 31 Oktober 2014. Lembaga Pengarah serta warga UniMAP turut rasa sedih atas pemergian Allahyarham En. Mohd. Zamani bin Harun (Ahli Ganti KPM) yang telah kembali ke Rahmatullah pada 4 Disember 2014.



## AUDITAN DALAMAN

Berikut adalah kedudukan auditan yang telah dilaksanakan oleh Unit Audit Dalam sepanjang tahun 2014 berdasarkan Rancangan Audit 2014 yang telah diluluskan oleh Naib Canselor dan Jawatankuasa Audit UniMAP:-

Bil.	Auditان Yang Dirancang	Pencapaian		
		Laksana	Laporan	Maklum balas
1	Auditان Khas Penganjuran Program Sukan Yang Dikendalikan Oleh UniMAP	✓	✓	✓
2	Auditان Pengurusan Kewangan Di Pusat Pengajian Kejuruteraan Mikroelektronik.	✓	✗	✗
3	Auditان Pengurusan Program dan Aktiviti Pelajar di Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni.	✗	✗	✗
4	Auditان Pengurusan Kewangan Di Pusat Pengajian Kejuruteraan Mekatronik	✗	✗	✗
5	Auditان Pengurusan Kewangan Di Jabatan Perpustakaan UniMAP	✗	✗	✗

Terdapat beberapa tajuk auditان khas yang telah dilaksanakan oleh Unit Audit Dalam pada tahun 2014 berdasarkan arahan oleh Pihak Pengurusan Atasan seperti senarai berikut:

Bil.	Tajuk Auditان Khas	Pencapaian		
		Laksana	Laporan	Maklum balas
1	Auditان Khas Pengurusan Geran Penyelidikan Di Pusat Pengurusan Penyelidikan Dan Inovasi	✓	✓	✓
2	Auditان Khas Ruang Pejabat Di Jejawi Berdasarkan Arahan Timbalan Naib Canselor Akademik & Antarabangsa	✓	✓	✗



## Jawatankuasa Audit (JKA)

Jawatankuasa Audit (JKA) telah ditubuhkan melalui resolusi Lembaga Pengarah yang menggariskan objektif Jawatankuasa tersebut, tanggungjawab dan keanggotaannya. Jawatankuasa tersebut boleh dianggotai tiga (3) hingga lima (5) orang ahli terdiri daripada Ahli Lembaga Pengarah Bukan Eksekutif. JKA boleh melantik pengerusinya sendiri atau boleh juga dilantik oleh Lembaga Pengarah - (Surat Pekeliling Am Bilangan 3 Tahun 1998 (SPA 3/1998)). JKA KUKUM/UniMAP telah ditubuhkan pada 19 Oktober 2005 berdasarkan Minit 107, Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Kali Ke 9.

Senarai Keahlian Jawatankuasa Audit UniMAP untuk tahun 2014 adalah seperti berikut:-

### Pengerusi:

**YBhg. Dato' Ir. Prof. Dr. Gue See Sew**  
Ketua Pegawai Eksekutif G&P Professionals Sdn. Bhd.  
(Sehingga 31/10/2014)

### Ahli:

**YBhg. Dato' Dr. Mohd Sofi Bin Osman**  
Naib Presiden  
Apac Region Worldwide Operations and Engineering  
Altera Corporation (M) Sdn. Bhd.

**YBrs. Tuan Abdul Rasid Bin Sudin**  
Pegawai Kanan (Penguatkuasaan)  
Pejabat Penguatkuasaan  
Suruhanjaya Syarikat Malaysia

Berdasarkan Surat Pekeliling Am Bilangan 3 Tahun 1998, Mesyuarat Jawatankuasa Audit (JKA) hendaklah diadakan sekurang-kurangnya 4 kali setahun. Pengerusi hendaklah menentukan tarikh, tempat dan agenda untuk mesyuarat tersebut dan mesyuarat hendaklah dipanggil oleh Juruaudit Dalam UniMAP yang merupakan Setiausaha JKA.

## Takwim Mesyuarat JKA

Suku Tahun 1	Suku Tahun 2	Suku Tahun 3	Suku Tahun 4
29/01/2014	-	25/09/2014	-

